



MEMO
PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC)
BATU PAHAT, JABATAN TENAGA MANUSIA

Ruj Kami: ADTEC/BP/P/200-7/1 Jld. 3 ()

Tarikh: 18 April 2022

Perkara	SENARAI PERALATAN ELEKTRIK YANG DIBENARKAN DI ASRAMA ADTEC BATU PAHAT	
Kepada	SEMUA PELAJAR ADTEC BATU PAHAT	SALINAN : 1. Fail Timbul
Daripada	PENGARAH ADTEC BATU PAHAT	

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Merujuk kepada Buku Peraturan Tatatertib Pelajar, Bahagian II – Peraturan Am Institut, Perkara 60 : Pelajar dilarang membawa perkakas elektrik ke dalam bilik kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Institut.

3. Bagi memudahkan pengurusan diri dan pembelajaran di Institut, Pihak ADTEC Batu Pahat telah mengeluarkan garis panduan tentang senarai peralatan elektrik yang dibenarkan dibawa oleh pelajar-pelajar ke dalam bilik asrama. Walau bagaimana pun, kebenaran hanya terhad kepada lima (5) peralatan sahaja bagi setiap pelajar.

4. Justeru, diingatkan agar arahan dan peraturan ini difahami dan dipatuhi. Sebarang pelanggaran peraturan boleh mengakibatkan diambil tindakan tatatertib dan surcaj kepada pelajar-pelajar yang ingkar.

Sekian, terima kasih.

“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

“Rembudayaan Norma Baharu Dalam Dunia Pekerjaan Sejagat ”

Saya yang menjalankan amanah,

(Ts Haji Sarman Bin Haji Rawan)

PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC) BATU PAHAT

BUKU PERATURAN TATATERTIB PELAJAR, BAHAGIAN II – PERATURAN AM INSTITUT, PERKARA 60 :
Pelajar dilarang membawa perkakas elektrik ke dalam bilik kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Institut.

SENARAI PERALATAN ELEKTRIK YANG DIBENARKAN

BIL	PERALATAN	BILANGAN YANG DIBENARKAN	
		BILIK 2 ORANG	BILIK 4/6 ORANG
1.	Komputer riba	1 unit setiap pelajar	1 unit setiap pelajar
2.	Komputer peribadi	1 unit setiap pelajar	1 unit setiap pelajar
3.	Lampu belajar	1 unit setiap bilik	2 unit setiap bilik
4.	Kipas mudah alih	1 unit setiap pelajar	1 unit setiap pelajar
5.	Pencukur elektrik	1 unit setiap pelajar	1 unit setiap pelajar
6.	Pengecas bateri elektrik	1 unit setiap bilik	2 unit setiap bilik
7.	Pengering rambut – PEREMPUAN SAHAJA (tidak melebihi 1000W)	1 unit setiap bilik	2 unit setiap bilik
8.	Seterika (tidak melebihi 1200w)	1 unit setiap bilik	2 unit setiap bilik
9.	Cerek elektrik (jug kettle tidak melebihi 1200w)	1 unit setiap bilik	2 unit setiap bilik
10.	Pembesar suara (tidak melebihi 5w)	1 unit setiap pelajar	1 unit setiap pelajar
11.	Mesin pencetak	1 unit setiap pelajar	1 unit setiap pelajar
12.	'Extension wire' 3G yang boleh menampung kapasiti sekurang-kurang 2200W ('adaptor' tidak dibenarkan)	1 unit setiap pelajar	1 unit setiap pelajar

Selain daripada peralatan di atas adalah tidak dibenarkan. Para pelajar digalakkan berkongsi peralatan-peralatan di atas. Maksimum lima (5) peralatan setiap pelajar untuk setiap semester. Peralatan elektrik yang tinggi penggunaan elektrik perlu dipasang terus kepada soket di dinding.

Kegagalan pelajar untuk mematuhi senarai peralatan elektrik dan jumlah yang dibenarkan sehingga menyebabkan kerosakan / litar pintas terhadap kemudahan asrama, tindakan tatatertib dan caj pembaikan / penggantian akan dikenakan terhadap pelajar.

Pelajar yang menginap di asrama adalah dilarang memasak di asrama. Sebarang peralatan yang digunakan untuk memasak akan dirampas (tidak dikembalikan) serta akan dikenakan tindakan tatatertib.